

# Tafsir Pimpinan al-Rahman: Analisis Metodologi Sheikh Abdullah Basmeih terhadap Terjemahan Ayat-ayat Sifat Allah SWT

**BITARA**

Volume 8, Issue 2, 2025: 115-131  
© The Author(s) 2025  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 1 April 2025  
Accepted: 30 April 2025  
Published: 30 May 2025

## [Tafsir Pimpinan al-Rahman: A Methodological Analysis of Sheikh Abdullah Basmeih's Translation of The Verses on The Attributes of Allah SWT]

Muaz Mohd Ghani Basri<sup>1\*</sup>, Luqmanul Hakim Muhamad Jamil, Muhammad Lukman Mat Sin, Roshimi Abdullah, Wafa Abdul Jabbar Shohibuddin <sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, 02000 Kuala Perlis, Perlis, MALAYSIA. E-mail: muazghanibasri@unisiraj.edu.my

\*Corresponding Author: muazghanibasri@unisiraj.edu.my

### Abstrak

Tafsir Pimpinan Al-Rahman karya Sheikh Abdullah Basmeih merupakan salah satu karya terjemahan dan tafsir al-Quran yang paling masyhur di Malaysia serta menjadi rujukan utama masyarakat dalam memahami maksud dan intipati ayat-ayat al-Quran. Dalam usaha menghasilkan karya ini, Sheikh Abdullah Basmeih telah menggunakan metodologi yang tersendiri termasuklah menterjemahkan keseluruhan ayat al-Quran, penggunaan tanda kurungan atau nota kaki bagi penjelasan tambahan, serta pendekatan khusus dalam menterjemahkan ayat-ayat sifat Allah SWT. Walaupun beberapa kajian telah dijalankan sebelum ini berkaitan metodologi penterjemahan ayat-ayat sifat Allah dalam tafsir tersebut, namun kajian-kajian terdahulu didapati kurang menyeluruh kerana hanya memfokuskan kepada ayat-ayat tertentu sahaja. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan dengan objektif utama untuk meneliti secara komprehensif pendekatan terjemahan ayat-ayat sifat Allah SWT yang digunakan oleh Sheikh Abdullah Basmeih serta mengenal pasti secara jelas pendirian beliau terhadap isu berkenaan. Metodologi kajian ini melibatkan pendekatan kepustakaan serta analisis kandungan terhadap teks tafsir tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Sheikh Abdullah Basmeih menggunakan dua pendekatan berbeza dalam terjemahan ayat-ayat sifat Allah SWT, iaitu *manhaj ithbat* dan *manhaj takwil*. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang ilmu baharu kepada masyarakat berkenaan metodologi unik Sheikh Abdullah Basmeih, serta membuka ruang kepada kajian lanjutan mengenai terjemahan dan tafsir al-Quran di rantau Nusantara.

**Key Words:** Tafsir Pimpinan Al-Rahman, Ayat-ayat sifat Allah SWT.

### Abstract

Tafsir Pimpinan Al-Rahman by Sheikh Abdullah Basmeih is one of the most renowned translation and interpretation works of the Quran in Malaysia, widely referenced by society for understanding the meanings and essence of Quranic verses. In producing this work, Sheikh Abdullah Basmeih applied a unique methodology, including translating the entire Quran, using parentheses or footnotes for additional explanations, and employing a specific approach in translating verses describing the attributes of Allah. Although several studies have previously explored the translation methodology of these divine attribute verses in this tafsir, earlier research was found to be incomplete as it focused

only on selected verses. Therefore, this study aims to comprehensively examine Sheikh Abdullah Basmeih's translation approach to the verses on Allah's attributes and clearly identify his stance on this matter. The research methodology involved library research and content analysis of the tafsir text. Findings indicate that Sheikh Abdullah Basmeih employed two different approaches—*manhaj ithbat* and *manhaj takwil*—in translating the divine attribute verses. This study hopes to provide new insights to the community regarding Sheikh Abdullah Basmeih's distinctive methodology and to encourage further studies on Quranic translation and interpretation in the Nusantara region.

**Key Words:** Tafsir Pimpinan Al-Rahman, Verses on the attributes of Allah



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

**Cite This Article:**

Muaz Mohd Ghani Basri, Luqmanul Hakim Muhamad Jamil, Muhammad Lukman Mat Sin, Roshimi Abdullah, Wafa Abdul Jabbar Shohibuddin. (2025). Tafsir Pimpinan al-Rahman: Analisis Metodologi Sheikh Abdullah Basmeih terhadap Terjemahan Ayat-ayat Sifat Allah SWT [Tafsir Pimpinan al-Rahman: A Methodological Analysis of Sheikh Abdullah Basmeih's Translation of The Verses on The Attributes of Allah SWT]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(2): 93-99.

## Pengenalan

Apabila diteliti, kegiatan penterjemahan dan pentafsiran al-Quran di Tanah Melayu telah bermula sejak abad ke-17 Masihi. Ketika itu, terdapat beberapa penulisan yang dihasilkan, namun kebanyakannya tidak dicetak dan telah hilang tanpa dapat dikesan. Sheikh Abdul Malik atau lebih dikenali sebagai Tok Pulau Manis merupakan salah seorang tokoh awal dari Tanah Melayu yang terlibat dalam penulisan tafsir. Beliau telah menyalin kitab *Tarjuman al-Mustafid* karya Abdul Rauf al-Sengkel, tetapi manuskrip salinannya juga telah lenyap. Usaha ini diteruskan pada zaman Tok Kenali, yang bersama sekumpulan ulama telah menterjemahkan *Tafsir Ibn Kathir*. Menjelang abad ke-20, usaha mentafsir dan menterjemah al-Quran ke dalam bahasa Melayu mula mendapat perhatian dan sambutan yang lebih meluas di kalangan para pentafsir Melayu (Abdullah, 2009). Terjemahan al-Quran ke dalam bahasa lain bukanlah suatu kegiatan yang mudah kerana ia memerlukan ilmu yang tinggi dalam bidang al-Quran dan juga bahasa yang ingin diterjemahkan kepadanya (al-Dhahabi, 2006; al-Nabhan, 2005; 'Itr, N. D. 1996).

Antara karya terjemahan Al-Quran ke Bahasa Melayu yang terulung dan paling masyhur dalam kalangan rakyat Malaysia adalah *Tafsir Pimpinan Al-Rahman* milik Sheikh Abdullah Basmeih. Karya ini sentiasa menjadi rujukan utama masyarakat Malaysia dalam mendapatkan terjemahan makna Al-Quran dan kefahaman di sebalik ayat-ayat Allah SWT. Sheikh Abdullah Basmeih mempunyai metodologi tersendiri dalam menghasilkan Tafsir Pimpinan Al-Rahman (Musa, M. A. & etl, 2023). Antara metodologi tersebut adalah menterjemahkan keseluruhan ayat Al-Quran, menggunakan tanda kurungan atau nota kaki untuk penerangan tambahan terhadap segelintir besar terjemahan. Sheikh Abdullah Basmeih

juga menterjemahkan ayat-ayat sifat Allah SWT dengan terjemahan yang sesuai menurut pandangan beliau (Marzuki, N. N. A. & Ahmad M. N, 2023).

Kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui pendirian Sheikh Abdullah Basmeih berkaitan ayat-ayat sifat Allah SWT dan perkara ini akan terzahir apabila kita menganalisis terjemahan bagi ayat-ayat tersebut.

## Perbahasan Sifat Allah Swt

Perbahasan mengenai sifat-sifat Allah SWT merupakan antara topik utama dalam disiplin akidah Islam yang menjadi asas dalam memahami keagungan dan kesempurnaan Tuhan yang Maha Esa. Penetapan sifat-sifat ini berpandukan kepada dalil-dalil wahyu yang sabit daripada al-Quran dan al-Sunnah serta disertai dengan kaedah pemahaman yang tidak melakukan penyimpangan makna (*tahrif*), penafian (*ta'til*), penetapan cara (*takyif*), atau penyerupaan dengan makhluk (*tasybih*). Ulama Ahli Sunnah wal Jama'ah telah membahaskan sifat-sifat Allah secara sistematik bagi memelihara kesucian akidah Islam daripada sebarang bentuk penyimpangan.

Antara pengelompokan yang masyhur dalam kalangan ulama ialah pembahagian sifat-sifat Allah SWT kepada tiga kategori utama (al-'Uthaymin, 2005), iaitu:

1. Sifat *Thubutiyyah* dan *Salbiyyah* – yang merujuk kepada sifat-sifat yang ditetapkan bagi Allah atau dinafikan daripada-Nya berdasarkan dalil-dalil syarak;
2. Sifat *Zatiyyah* dan *Fi'liyyah* – yang dikaitkan dengan zat Allah SWT atau perbuatan-Nya yang berlaku berdasarkan kehendak-Nya;
3. Sifat *Khabariyyah* dan *'Aqliyyah* – yang disabitkan sama ada melalui wahyu secara khabar (tanpa ditafsirkan secara bebas oleh akal) atau boleh diterima oleh logik akal yang selari dengan nas-nas syarak.

Pembahagian ini bukan bertujuan untuk menghadkan sifat Allah, tetapi untuk membantu umat Islam memahami sifat-sifat kesempurnaan-Nya dalam kerangka yang selamat dari segi akidah dan pemikiran. Perincian:

### Pertama: Sifat *Thubutiyyah* dan *Salbiyyah*

#### Sifat-sifat *Thubutiyyah*:

Sifat-sifat yang Allah SWT tetapkan untuk diri-Nya, atau yang ditetapkan oleh Rasul-Nya SAW untuk-Nya seperti *istiwa*, *nuzul*, wajah, tangan dan seumpamanya. Semuanya adalah sifat-sifat pujian dan kesempurnaan, dan ia adalah kebanyakan daripada sifat-sifat yang dinyatakan dalam Al-Quran dan sunnah, dan wajib di*ithbatkan*.

**Sifat-sifat *Salbiyyah*:**

Ia adalah sifat-sifat yang Allah SWT nafikan daripada diri-Nya, atau yang dinafikan oleh Rasul-Nya SAW daripada-Nya. Semua sifat ini adalah sifat kekurangan seperti mati, mengantuk, tidur, dan zalim. Kebiasaannya sifat-sifat ini datang dalam Al-Quran atau Sunnah dengan didahului oleh kata penafian, seperti *لَا*, *مَا*, dan *لَيْسَ*. Sifat-sifat ini dinafikan daripada Allah SWT dan diithbatkan yang berlawanan dengannya sebagai daripada sifat kesempurnaan.

**Kedua: Sifat *Zatiyyah* dan *Fi'liyyah*****Sifat-sifat *Zatiyyah*:**

Ia adalah sifat-sifat zat yang pasti dimiliki Allah SWT dan tidak akan hilang seperti ilmu, kekuasaan, kehidupan, wajah, tangan dan seumpamanya.

**Sifat-sifat *Fi'liyyah* (Perbuatan):**

Ia adalah sifat-sifat yang berkait dengan kehendak dan kekuasaan Allah SWT. Kalau Dia mahu, Dia melakukannya, dan jika Dia tak mahu, Dia tidak melakukannya seperti datang, turun, marah, gembira, ketawa dan seumpamanya. Perbuatan-perbuatan Allah SWT ada dua jenis:

*Lazim*: perbuatan yang terhad pada diri Allah SWT dan tidak memberi kesan langsung kepada makhluk seperti *istiwa*, turun, dan datang dan seumpamanya.

*Muta'addi*: perbuatan yang memberi kesan kepada makhluk seperti mencipta, memberi dan seumpamanya.

Perhatian: Perbuatan-perbuatan Allah SWT tiada penghujung dan Allah SWT melakukan apa yang Dia kehendaki. Oleh itu, sifat-sifat *fi'liyyah* Allah SWT tiada batasannya.

Sifat-sifat *fi'liyyah* (perbuatan) dari sudut keberadaannya pada zat Allah SWT disebut sebagai sifat zat. Adapun dari sudut keterkaitannya dengan apa yang timbul daripada zat-Nya seperti perkataan dan perbuatan ia disebut sebagai sifat-sifat *fi'liyyah*. Contohnya sifat kalam Allah SWT, dari sudut asal dan jenisnya adalah sifat zat namun dari sudut setiap satu ucapan atau patah ucapan Allah SWT adalah sifat *fi'liyyah*.

**Ketiga: Sifat *Khabariyyah* dan *'Aqliyyah*****Sifat-sifat *Khabariyyah*:**

Sifat-sifat yang tiada cara untuk menetapkan melainkan dengan khabar daripada Allah SWT atau daripada Rasul-Nya SAW. Sifat-sifat ini boleh menjadi sifat *zatiyyah* seperti wajah dan tangan, atau boleh juga menjadi sifat *fi'liyyah*; seperti gembira dan ketawa.

### Sifat-sifat 'Aqliyyah:

Sifat-sifat ini disahkan melalui dalil *sam'iyah* (naqli) dan juga dalil *'aqli* (akal), dan sifat-sifat ini boleh menjadi sifat *zatiyyah*; seperti kehidupan, ilmu, dan kekuasaan, dan boleh juga menjadi sifat *fi'liyah*; seperti mencipta dan memberi.

Perhatian: Kenapa disekalikan sifat *sam'iyah* dan *aqli*? Kerana sifat *sam'iyah* memerlukan kita untuk **menerima** sifat tersebut melalui wahyu, namun dalam masa yang sama, terdapat **pemahaman logik** yang datang dari **akal** mengenai kewujudan sifat-sifat tersebut seperti sifat hidup, ilmu, dan kuasa yang boleh difahami oleh akal.

### Ithbat dan Takwil:

Dalam memahami sifat-sifat Allah SWT, terdapat dua pendekatan utama yang sering dibahaskan iaitu pendekatan *ithbat* iaitu menetapkan sifat-sifat Allah sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran dan hadis sahih dengan makna zahir yang sesuai dengan kebesarannya, tanpa melakukan *tahrif* (penyimpangan makna), *ta'til* (penafian), *takyif* (penetapan cara), atau *tasybih* (penyerupaan dengan makhluk) dan pendekatan *takwil* iaitu mengalihkan makna zahir sesuatu teks kepada makna lain yang lebih sesuai dengan konteks akidah dan tidak bertentangan dengan prinsip *tanzih* (kesucian Allah SWT daripada sifat kekurangan dan menyerupai makhluk) (Ibn Taymiyyah, 2005; al-Ghazali, 1998).

## Perbahasan dan Hasil Kajian

Berdasarkan penyelidikan terhadap kandungan Tafsir Pimpinan Al-Rahman, kajian ini membahagikan terjemahan mengenai ayat-ayat sifat Allah SWT kepada 2 kategori iaitu terjemahan secara *ithbat* atau terjemahan secara *takwil*. Hal ini dapat dilihat menerusi jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih Mengenai Ayat-Ayat Sifat Allah SWT dalam Tafsir Pimpinan Al-Rahman

#### 1. Sifat *al-Wajh*

| No. | Surah & No. Surah | No. Ayat | Juzuk & Halaman | Teks Al-Quran & Teks Terjemahan                                                                                                         | Ithbat | Takwil | Catatan |
|-----|-------------------|----------|-----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|--------|---------|
| 1.  | Al-Baqarah (2)    | 115      | J-1 / H-18      | وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُولُوا فَتَنَّمْ وَجْهُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ وَاسِعٌ عَلِيمٌ<br>Dan Allah jumlah yang |        | /      |         |

|    |                |     |              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                       |
|----|----------------|-----|--------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------|
|    |                |     |              | memiliki timur dan barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk menghadap Allah) maka di situlah arah yang diredai Allah; sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurnia-Nya), lagi sentiasa Mengetahui.                                                                                                                   |                                                       |
| 2. | Al-Baqarah (2) | 272 | J-3 / H-46   | <p>لَيْسَ عَلَيْكَ هُدَاهُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَن يَشَاءُ ۖ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَأَنفُسِكُمْ ۖ وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ</p> <p>“...kamu pula tidaklah mendermakan sesuatu melainkan kerana menuntut keredaan Allah...”</p> | /                                                     |
| 3. | Ar-Rum (30)    | 38  | J-21 / H-408 | <p>فَآتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ ۚ ذَلِكَ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ ۖ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ</p> <p>“...pemberian yang demikian adalah baik bagi orang-orang yang bertujuan memperoleh keredaan Allah...”</p>                                                                           | /                                                     |
| 4. | Ar-Rum (30)    | 39  | J-21 / H-408 | <p>وَمَا آتَيْتُمْ مِّن رَّبًّا لَّيْرُبُوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرُبُّوْا عِنْدَ اللَّهِ ۖ وَمَا آتَيْتُمْ مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُضْغِفُونَ</p> <p>Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharap keredaan Allah semata-mata,..</p>                               | /                                                     |
| 5. | Al-Insan (76)  | 9   | J-29 / H-    | <p>إِنَّمَا نُطْعِمُكُمْ لِوَجْهِ اللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنْكُمْ جَزَاءً وَلَا شُكْرًا</p> <p>Sambil berkata dengan</p>                                                                                                                                                                                                                                  | Pengarang tidak menterjemah kalimah <i>wajh</i> dalam |

|     |                |    |                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                                                                                             |
|-----|----------------|----|-------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |                |    | 579               | lidah atau dengan hati):<br>"Sesungguhnya kami memberi makan kepada kamu kerana Allah semata-mata;...                                                                                                                                                                                                                                                                                       | ayat ini. Walau bagaimanapun, beliau menterjemah <b>لوجه الله</b> itu dengan “kerana Allah” |
| 6.  | Ar-Ra'd (13)   | 22 | J- 13 /<br>H- 252 | وَالَّذِينَ صَبَرُوا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرُءُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةِ أُولَٰئِكَ لَهُمْ عُقْبَى الدَّارِ<br>Dan orang-orang yang sabar kerana mengharap keredaan Tuhan mereka semata-mata,...                                                                                              | /                                                                                           |
| 7.  | Ar-Rahman (55) | 27 | J- 27 /<br>H- 532 | وَيَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ<br>Dan akan kekallah Zat Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan:                                                                                                                                                                                                                                                             | /                                                                                           |
| 8.  | Al-Lail (92)   | 20 | J- 30 /<br>H- 596 | إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِ الْأَعْلَى<br>Hanyalah mengharap keredaan Tuhannya Yang Maha Tinggi                                                                                                                                                                                                                                                                                        | /                                                                                           |
| 9.  | Al-An'am (6)   | 52 | J-7 /<br>H- 133   | وَلَا تَطْرُدِ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْعَدَاةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ ۖ مَا عَلَيْكَ مِنْ حِسَابِكُمْ مِنْ شَيْءٍ وَمَا مِنْ حِسَابِكُمْ عَلَيْهِمْ مِنْ شَيْءٍ ۖ فَتَطْرُدَهُمْ فَتَكُونَ مِنَ الظَّالِمِينَ<br>janganlah engkau usir orang-orang yang beribadat dan berdoa kepada Tuhan mereka pagi dan petang, sedang mereka menghendaki keredaanNya semata-mata... | /                                                                                           |
| 10. | Al-Kahf (18)   | 28 | J- 15 /<br>H- 297 | وَاصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْعَدَاةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ ۖ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِينَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ عَن ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ فُرُطًا<br>Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat                                                           | /                                                                                           |

|    |               |    |              |                                                                                                                                                  |   |
|----|---------------|----|--------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
|    |               |    |              | dengan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredaan Allah semata-mata                   |   |
|    |               |    |              | وَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۚ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ ۚ لَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ    |   |
| 11 | Al-Qasas (28) | 88 | J-20 / H-396 | Dan janganlah engkau menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah. Tiada Tuhan melainkan Dia. Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Zat Allah. | / |

Daripada sebelas ayat yang dikaji, sepuluh daripadanya diterjemah menggunakan pendekatan *takwil*. Ini bermakna lafaz *wajh* ditafsirkan sebagai "keredaan" atau "Zat", bukan secara literal sebagai "wajah". Satu ayat iaitu ayat 9 dalam surah al-Insan pula menunjukkan istilah ini tidak diterjemah secara langsung. Keadaan ini menunjukkan kecenderungan Sheikh Abdullah Basmeih kepada pendekatan *takwil* yang konsisten bagi ayat sifat *al-Wajh* (Basmeih, 2001).

### 1. Sifat *al-Ayn*

| No. | Surah & No. Surah | No. Ayat | Juzuk & Halaman | Teks Al-Quran & Teks Terjemahan                                                                                                                                      | Ithbat | Takwil | Catatan |
|-----|-------------------|----------|-----------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|--------|---------|
| 1.  | Hud (11)          | 37       | J-12 / H-225    | وَاصْنَعِ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا وَلَا تُخَاطِبْنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُّعْرِضُونَ                                                       |        | /      |         |
| 2.  | Al-Mu'minun (23)  | 27       | J-18 / H-343    | فَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِ أَنْ اصْنَعِ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا فَإِذَا جَاءَ أَمْرُنَا وَفَارَ التَّنُّورُ فَاسْلُكْ فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجَيْنِ اثْنَيْنِ |        | /      |         |

|    |                  |    |                 |                                                                                                                                                                                                                        |   |
|----|------------------|----|-----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
|    |                  |    |                 | Lalu Kami wahyukan kepadanya: "Buatlah bahtera dengan pengawasan serta kawalan Kami                                                                                                                                    |   |
|    |                  |    |                 | وَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا<br>وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ حِينَ تَقُومُ                                                                                                                         |   |
|    |                  |    |                 | Dan (dengan yang demikian) bersabarlah (wahai Muhammad)                                                                                                                                                                |   |
| 3. | At-Tur<br>(52)   | 48 | J-27 /<br>H-525 | menerima hukum Tuhanmu (memberi tempoh kepada mereka), kerana sesungguhnya engkau tetap terselamat dalam pemeliharaan serta pengawasan Kami                                                                            | / |
|    |                  |    |                 | تَجْرِي بِأَعْيُنِنَا جَزَاءَ لِمَنْ كَانَ كُفِرَ                                                                                                                                                                      |   |
| 4. | Al-Qamar<br>(54) | 14 | J-27 /<br>H-529 | Yang belayar laju dengan pemeliharaan dan pengawasan Kami                                                                                                                                                              | / |
|    |                  |    |                 | أَنْ أَفْزِيقَهُ فِي التَّائِبِينَ فَأَفْزِيقَهُ فِي الْيَمِّ<br>فَلْيُلْقِهِ الْيَمُّ بِالسَّاحِلِ يَأْخُذْهُ عَدُوٌّ لِّي<br>وَعَدُوٌّ لَهُ ۚ وَاللَّيْلُ عَلَيْكَ مَحَبَّةٌ مِّنِّي<br>وَلَتُصْنَعَ عَلَيَّ عَيْنِي |   |
| 5. | Ta-Ha<br>(20)    | 39 | J-16 /<br>H-314 | dan Aku telah tanamkan dari kemurahan-Ku perasaan kasih sayang orang terhadapmu; dan supaya engkau dibela dan dipelihara dengan pengawasan-Ku                                                                          | / |

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Sheikh Abdullah Basmeih secara konsisten memilih pendekatan *takwil* dalam menterjemahkan sifat *al-‘Ayn*. Beliau tidak menterjemahkan kalimah tersebut secara literal sebagai "mata", tetapi menggunakan istilah "pengawasan", "kawalan", dan "pemeliharaan" bagi menggambarkan makna *al-‘Ayn* (Basmeih, 2001).

**Sifat al-Yad**

| No. | Surah & No. Surah | No.Ayat | Juzuk & Halaman | Teks Al-Quran<br>Teks Terjemahan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | <i>Ithbat</i> | <i>Takwil</i> | Catatan                                  |
|-----|-------------------|---------|-----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|---------------|------------------------------------------|
| 1.  | Al-Ma'idah (5)    | 64      | J-6 / H-118     | وَقَالَتِ الْيَهُودُ يَدُ اللَّهِ مَغْلُولَةٌ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُوا بِمَا قَالُوا<br>Dan orang-orang Yahudi itu berkata: "Tangan Allah terbelenggu (bakhil - kikir)", tangan merekalah yang terbelenggu                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | /             | /             | Gabungan <i>Ithbat</i> dan <i>Takwil</i> |
| 2.  | Al-Ma'idah (5)    | 64      | J-6 / H-118     | بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَاءُ<br>bahkan kedua tangan Allah sentiasa terbuka (nikmat dan kurniaNya luas melimpah-limpah).<br>إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ<br>Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad - untuk berjuang menentang musuh), mereka hanyasanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya). | /             | /             | Gabungan <i>Ithbat</i> dan <i>Takwil</i> |
| 3.  | Al-Fath (48)      | 10      | J-26 / H-512    | قَالَ يَا إِبْلِيسُ مَا مَنَعَكَ أَنْ تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتُ بِإِيْدِي ۖ أَتَعْتَبِرُ أَمْ كُنْتَ مِنَ الْعَالِينَ<br>Allah berfirman: " Hai Iblis! Apa yang menghalangmu daripada turut sujud kepada (Adam) yang Aku telah ciptakan dengan kekuasaanKu?"                                                                                                                                                                                                                                                            |               | /             |                                          |
| 4.  | Sad (38)          | 75      | J-23 / H-457    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |               | /             |                                          |

Sheikh Abdullah Basmeih mengaplikasikan pendekatan yang unik dalam menterjemah ayat-ayat berkaitan sifat *al-Yad*. Dalam ayat 64 dalam surah al-Ma'idah, beliau mengekalkan lafaz "tangan" dan memberikan penjelasan dalam kurungan. Dalam ayat-ayat lain, beliau lebih cenderung menggunakan takwil dengan memilih istilah seperti "pengawasan" dan "kekuasaan" untuk menggambarkan makna yang lebih sesuai dengan prinsip *tanzih* (Basmeih, 2001).

### Sifat *al-Saq*

| No. | Surah & No. Surah | No.Ayat | Juzuk & Halaman | Teks Al-Quran<br>Teks Terjemahan                                                                                                                                                                                                                               | Ithbat | Takwil | Catatan |
|-----|-------------------|---------|-----------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|--------|---------|
| 1.  | Al-Qalam(68)      | 42      | J-29 / H-565    | يَوْمَ يُكْشَفُ عَنْ سَاقٍ وَيُدْعَوْنَ إِلَى السُّجُودِ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ<br>(Ingatkanlah orang-orang yang tidak beriman) akan masa didedahkan kedahsyatan huru-hara (hari kiamat), dan mereka diseru supaya sujud maka mereka tidak dapat melakukannya, - |        | /      |         |

Salah satu ayat yang menjadi perbahasan dalam kalangan ulama mengenai sifat Allah ialah ayat 42 dalam Surah al-Qalam. Ayat ini mengandungi lafaz "يُكْشَفُ عَنْ سَاقٍ" yang secara literal bermaksud "betis akan didedahkan". Sheikh Abdullah Basmeih tidak mengekalkan terjemahan literal bagi lafaz "*sāq*" (betis), sebaliknya menakwilkannya sebagai "kedahsyatan huru-hara" hari kiamat. Ini menunjukkan pendekatan *takwil* sepenuhnya digunakan dalam terjemahan ini (Basmeih, 2001).

### 1. Sifat *al-Istiwa'*

| No. | Surah & No. Surah | No.Ayat | Juzuk & Halaman | Teks Al-Quran<br>Teks Terjemahan                                                                                                                 | Ithbat | Takwil | Catatan |
|-----|-------------------|---------|-----------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|--------|---------|
| 1.  | Al-A'raf (7)      | 54      | J-8 / H-157     | إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ<br>Sesungguhnya Tuhan kamu |        | /      |         |

ialah Allah yang  
menciptakan langit dan bumi  
dalam enam masa lalu Ia  
bersemayam di atas Arasy;

Sifat *al-Istiwa'* (الاستواء) merujuk kepada firman Allah SWT dalam banyak tempat dalam al-Quran, antaranya Surah al-A'raf ayat 54. Sheikh Abdullah Basmeih menterjemahkan lafaz *al-Istiwa'* bagi ayat ini dengan "bersemayam" secara literal tanpa takwil dan ianya adalah salah satu daripada terjemahan literal bagi lafaz *al-Istiwa'* (Basmeih, 2001; Ibn Kathir, 2004).

### 1. Sifat *al-Maji'*

| No. | Surah & No. Surah | No. Ayat | Juzuk & Halaman | Teks Al-Quran & Teks Terjemahan                                                                                                                   | Ithbat | Takwil | Catatan |
|-----|-------------------|----------|-----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|--------|---------|
| 1.  | Al-Fajr (89)      | 22       | J-30 / H-593    | وَجَاءَ رَبُّكَ وَالْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا<br>Dan (perintah) Tuhanmu pun datang, sedang malaikat berbaris-baris (siap sedia menjalankan perintah), |        | /      |         |

Sheikh Abdullah Basmeih tidak menterjemah frasa "*jā'a rabbuka*" secara literal sebagai "datanglah Tuhanmu", sebaliknya menambah kata penjelasan "(perintah)" untuk menggambarkan maksud yang lebih sesuai dengan konteks keagungan Allah. Pendekatan ini adalah *takwil* kerana ia menyampaikan maksud melalui interpretasi, bukan makna zahir lafaz (Basmeih, 2001).

### 1. Sifat *al-'Uluw*

| No. | No. Surah  | No. Ayat | Juzuk        | Ayat dan Teks Terjemahan                                                                                                                                                                                                               | Ithbat | Takwil | Catatan |
|-----|------------|----------|--------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|--------|---------|
| 1.  | Fāṭir (35) | 10       | J-22 / H-453 | مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعِزَّةَ فَلِلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا<br>إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ يَرْفَعُهُ<br>Kepada Allah lah naiknya segala perkataan yang baik (yang menegaskan iman dan tauhid, untuk |        | /      |         |

---

|    |              |    |              |                                                                                                                                                                  |   |
|----|--------------|----|--------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
|    |              |    |              | dimasukkan ke dalam kira-kira balasan), dan amal yang soleh pula di angkatnya naik (sebagai amal yang makbul - yang memberi kemuliaan kepada yang melakukannya). |   |
|    |              |    |              | ءَأَمِنْتُمْ مَّن فِي السَّمَاءِ أَن يَخْسِفَ بِكُمُ الْأَرْضَ فَإِذَا هِيَ تَمُورُ                                                                              |   |
| 2. | Al-Mulk (67) | 16 | J-29 / H-563 | Atau patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Allah yang pusat pemerintahan-Nya di langit itu:                                                             | / |

---

Dua ayat yang menjadi perhatian dalam perbincangan sifat al-‘Uluw (ketinggian Allah SWT) ialah ayat 10 dalam Surah Fāṭir dan ayat 16 dalam Surah al-Mulk. Kedua-duanya mengandungi ungkapan yang menunjukkan arah naik atau ketinggian yang disandarkan kepada Allah. Dalam ayat 10 Surah Fāṭir, Sheikh Abdullah Basmeih mengekalkan terjemahan secara literal, menunjukkan pendekatan ithbat. Namun dalam ayat 16 dalam Surah al-Mulk, frasa "من في السماء" yang secara literal bermaksud "yang di langit" telah ditakwil kepada "yang pusat pemerintahanNya di langit" (Basmeih, 2001).

Berdasarkan 26 ayat yang terdapat dalam jadual 1 di atas, jelaslah bahawa Sheikh Abdullah Basmeih mempunyai metodologi yang tersendiri dalam terjemahan ayat-ayat sifat Allah SWT. Beliau telah menggabungkan dua pendekatan yang berbeza dalam berinteraksi dengan ayat-ayat sifat Allah SWT. Ada kalanya beliau memilih untuk menterjemahkan ayat tersebut secara ithbat dan ada kalanya secara takwil. Berdasarkan jadual 1 juga, kita akan dapati bahawa Sheikh Abdullah Basmeih memilih untuk tidak menterjemahkan sifat al-Wajh pada ayat 9 dalam surah al-Insan. Ayat yang tertera dalam jadual 1 hanyalah sebahagian kecil daripada ayat-ayat sifat Allah SWT. Tujuan pemilihan ayat-ayat ini adalah untuk menzahirkan penggabungan dua pendekatan yang berbeza oleh pengarang dalam menterjemahkan ayat-ayat sifat Allah SWT dan menafikan dakwaan yang beliau hanya menggunakan kaedah terjemahan secara takwil.

## Kesimpulan

Tafsir Pimpinan Al-Rahman merupakan sebuah karya terjemahan yang telah dihasilkan oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Karya ini mendapat sambutan meluas bukan sahaja di Malaysia bahkan telah menjadi pilihan utama oleh pengusaha aplikasi al-Quran seantero dunia apabila penulisan ini kerap dijadikan sumber rujukan bagi terjemahan Al-Quran ke Bahasa Melayu.

Apa yang menarik tentang karya ini ialah gaya penyampaiannya yang mudah difahami dan ringkas. Gaya bahasanya yang mudah dapat menepati kehendak semua lapisan masyarakat dan sesuai digunakan oleh masyarakat Malaysia Madani.

Berdasarkan kajian dan analisis yang telah dilakukan, kajian ini mendapati bahawa Sheikh Abdullah Basmeih telah meraikan kedua-dua pendekatan *ithbat* dan *takwil*. Walaupun Sheikh Abdullah Basmeih ketika menterjemahkan ayat-ayat sifat telah menggunakan kedua-dua pendekatan, namun kajian ini berpandangan bahawa beliau lebih cenderung dengan pendekatan *ithbat* dalam menterjemahkan ayat-ayat sifat Allah SWT al-Fi'liyah dan cenderung menggunakan pendekatan *takwil* pada ayat-ayat sifat Allah SWT al-Zatiyyah. (Rahman & Nordin, 2022).

Tambahan pula, hasil kajian-kajian lain menunjukkan pendekatan terjemahan ayat sifat dalam konteks Melayu memiliki pola umum yang hampir serupa dengan metodologi Basmeih, iaitu keseimbangan antara literaliti dan interpretasi (Yusoff et al., 2018; Wan Ahmad, 2019). Bahkan dalam konteks Nusantara, kajian oleh Mokhtar & Salleh (2021) mengesahkan wujudnya usaha pelestarian manhaj tafsir yang menyesuaikan kefahaman akidah setempat tanpa menyalahi kerangka Ahli Sunnah wal Jama'ah. Kajian oleh Ismail & Sidek (2020) turut menegaskan pengaruh luas Basmeih dalam kalangan masyarakat dan pentafsir tempatan.

## Rujukan

- Abdullah, M. (2009). *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Bentong, Pahang: Book Pro Publishing Services
- Al-'Uthaymin, M. S. (2005). *Al-Qawa'id Al-Muthla fi Sifat Allah wa Asma'ih Al-Husna*. Riyadh: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Dhahabi, M. H. (2006). *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Beirut: Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam.
- Al-Ghazali, A. H. (1998). *Al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nabhan, M. F. (2005). *al-Madkhal ila 'Ulum al-Qur'an al-Karim*. Halab: Dar 'Alim al-Qur'an al-Karim.
- Basmeih, S. A. (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ibn Kathir, I. (2004). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Taymiyyah, A. (2005). *Majmu' al-Fatawa*. Madinah: Majma' al-Malik Fahd li Taba'at al-Mushaf al-Sharif.
- Ismail, Z., & Sidek, Z. (2020). Contextualizing Tafsir Pimpinan Al-Rahman: Methodology and Influence in the Malay World. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*.
- Marzuki, N. N. A. & Ahmad M. N. (2023). Analisis Kaedah Pentafsiran Syekh Abdullah Basmeih Terhadap Ayat Mutasyabihat al-Sifat. *Bitarajournal: NUN Gemilang*.
- Mokhtar, H., & Salleh, A. (2021). *Quranic Hermeneutics in Southeast Asia: Trends and Methods*. *Studia Islamika*.

- Musa, M. A. & etl. (2023). Terjemahan Ayat Amthal Di Dalam Al-Quran: Kajian Terhadap Tafsir Pimpinan Al-Rahman. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*.
- Rahman, F. A., & Nordin, M. R. (2022). Literal and Metaphorical Approaches to Quranic Translation: Between Theology and Linguistics. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*.
- Wan Ahmad, W. I. (2019). Malay Translations of the Quran and Theological Interpretation: A Case Study of Anthropomorphic Verses. *Journal of Islamic Thought and Civilization*.
- Yusoff, M. Y. Z. M., et al. (2018). The Translation Techniques of Divine Attributes in the Quran: A Comparative Study of English and Malay Translations. *Quranic Studies Journal*.
- 'Itr, N. D. (1996). 'Ulum al-Qur'an al-Karim. Dimashq: Dar al-Subl.